

RM492.28j atasi banjir Lembah Klang

KUALA LUMPUR: Kerajaan membelanjakan RM492.28 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan RMK-10 bagi melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) untuk menangani masalah banjir di Lembah Klang.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Joseph Kurup berkata, kerajaan sememangnya prihatin terhadap masalah banjir yang berpunca dari limpahan sungai seperti Sungai Gombak, Sungai Klang dan Sungai Buluh serta anak sungai.

Katanya, faktor tempatan seperti ketidakupayaan kapasiti sistem saliran sedia ada dan penyelenggaraan tidak mengikut jadual juga menyumbang kepada masalah banjir.

“Bagaimanapun, kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah melaksanakan projek tebatan banjir termasuk Terowong Smart yang siap pada 2007.

“Di bawah RMK-9, JPS melaksanakan sembilan projek RTB di Lembah Klang membabitkan peruntukan RM427.7 juta antaranya RTB Lembah Sungai Damansara yang menelan belanja RM359.8 juta. Projek RTB ini mengurangkan 20 peratus daripada kawasan banjir di Lembah



JOSEPH...RTB kurangkan masalah banjir



DR CHE ROSLI...ingin tahu status RTB

Klang,” katanya menjawab soalan Dr Che Rosli Che Mat (PAS-Hulu Langat).

Dr Che Rosli ingin tahu mengenai status tebatan banjir yang dilaksanakan sejak 2008 hingga kini belum dapat mengatasi masalah banjir di Lembah Klang.

Joseph berkata, di bawah RMK-10 RM64.58 juta diluluskan untuk projek RTB Sungai Damansara dan daripada jumlah itu RM28 juta diluluskan dalam Rolling Plan Pertama (2011-2012).

“Pihak JPS juga menjalankan kerja penyelenggaraan sungai secara berkala yang dilaksanakan tiga kali setiap tahun bagi memastikan kelancaran pengaliran sungai seterusnya dapat mengurangkan risiko banjir.

“Kejadian banjir kilat baru-baru ini di luar jangkaan dan berpunca daripada hujan lebat luar biasa. Kejadian ekstrem ini dikaitkan dengan kesan fenomena perubahan iklim,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) juga mempunyai tanggungjawab berat dalam mengatasi kejadian banjir termasuk di kawasan bandar.

“Peranan PBT sangat penting dalam mengenal pasti kawasan serta parit dan longkang yang berisiko tinggi boleh menyebabkan banjir serta menyelenggara sistem perparitan dalaman agar ia bebas daripada sampah sarap dan aliran air tidak tersekat,” katanya.